

Penganalisis politik  
jangka PRU15  
mungkin diadakan  
November ini

# Bajet 2023 sah diawalkan 7 Oktober

SHAH ALAM

FOTO: BERNAMA

**M**enteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar mengesahkan Bajet 2023 akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 7 Oktober depan.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengenakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Peraturan Mesyuarat 10(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, untuk meminda tarikh dari 26 kepada 3 Oktober.

“Takwim baharu yang dicadangkan adalah pada 3 Oktober hingga 29 November bagi Dewan Rakyat (32 hari) dan 21 November hingga 7 Disember (11 hari) bagi Dewan Negara, dipercepatkan sebanyak 23 hari daripada takwim asal,” katanya menerusi kenyataan pada Jumaat.

Ujar Wan Junaidi, perubahan itu dibuat berikutan terdapat keperluan untuk kerajaan meminda takwim Mesyuarat

Ketiga.

“Ia bagi membolehkan pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan (Belanjawan) 2023 dipercepatkan,” kata beliau.

Selain itu tambahnya, perubahan tersebut turut membolehkan pembentangan RUU Perbekalan Tambahan 2022 dan RUU Tanggungjawab Fiskal dibentangkan, sebaik RUU Perbekalan (Belanjawan) 2023 diluluskan di Dewan Rakyat.

Sebelum ini, portal berita *The Star* melaporkan perubahan tarikh pembentangan Bajet 2023 menjadi petunjuk bahawa pilihan raya umum bakal diadakan tidak lama lagi.

Sumber rasmi BN menjangkakan Parlimen boleh dibubarkan selepas belanjawan dibentangkan.

Susulan keputusan kerajaan untuk mengawalkan pembentangan bajet itu, rata-rata penganalisis politik tidak menolak kemungkinan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) akan diadakan pada November ini.

Penganalisis Politik Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain berpandangan lang-



Bajet 2023 sah akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 7 Oktober depan berbanding 28 Oktober mengikut takwim asal.

kah berkenaan memberi gambaran jelas pembubaran Parlimen akan dilakukan selepas pembentangan tersebut.

“Tindakan mengawalkan pembentangan Bajet 2023 menguatkan spekulasi bahawa PRU15 akan diadakan dalam tahun ini juga. Pilihan raya awal lebih baik kerana risiko isu lebih besar terbongkar jika UMNO tunggu lama.

“Sebab kes lain bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pun lama lagi dan (jika tunggu lebih lama)

akan terbongkar banyak isu lain pada masa akan datang,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Penganalisis Politik Universiti Malaya (UM), Profesor Madya Dr Awang Azman Awang Pawi pula berpendapat tindakan tersebut dilihat sebagai strategi awal untuk menyekat Pakatan Harapan (PH) daripada memanipulasi isu kapal tempur pesisir (LCS).

“(Awalkan Bajet 2023) Bukti jelas PRU15 akan diadakan selepas pembentangan Bajet 2023,” ujar beliau.

